

**CIRI-CIRI PENGUASAAN SUMBER BERBAHASA ARAB DALAM KALANGAN
PENSYARAH INSTITUT TAMADUN DAN KEFAHAMAN ISLAM (CITU)**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH :

**AHMAD FAKRULAZIZI BIN ABU BAKAR
AZMAN BIN CHE MAT
AZARUDIN BIN AWANG**

DISEMBER 2012

3. Penghargaan

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya maka kami telah berjaya menyiapkan kajian ini dengan baik. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dalam masa yang diperuntukkan terutamanya kepada

Prof. Madya Dr Abdol Samad Nawi,
(Rektor UiTM Terengganu)

Prof. Madya Dr Baharom Ab Rahman
(Timbalan Rektor HEA)

Prof. Madya Dr. Mazidah Putih,
(Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri serta Alumni)

Puan Fadhilah Haji Mustafa,
(Penolong Rektor UiTM Kampus Kuala Terengganu)

Dr. Mohd Sabri bin Abdul Ghaffar,
(Ketua Pengurusan Pengajian CITU UiTM Terengganu)

Puan Muhazita Alias
(Ketua Pengurusan Pengajian UiTM (Terengganu) Kampus Kuala Terengganu)

Dr. Muhammad Abi Sofian Abdul Halim
(Ketua Unit Penyelidikan dan Jaringan Industri serta Alumni
UiTM (Terengganu) Kampus Kuala Terengganu)

Kami doakan agar segala kepercayaan dan kerjasama yang dihulurkan sepanjang penyelidikan ini dijalankan akan dibalas dengan ganjaran yang besar di sisi Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih

5. Laporan

5.1 Ringkasan yang Dikemaskini

Isu kejayaan pendakwah Islam atau pendidik agama ini seringkali dikaitkan dengan kemampuan mereka untuk menguasai bahasa Arab dengan sebaik-baiknya. Hal ini adalah kerana al-Quran dan al-Hadis yang menjadi sumber hukum dan panduan kepada umat Islam adalah menggunakan bahasa Arab. Bahkan bangsa Arab merupakan bangsa terawal memahami, mengkaji dan menulis tentang ilmu-ilmu Islam yang akhirnya menjadi rujukan umat zaman berzaman.

Lantaran itu, sangat penting kepada pendidik agama untuk merujuk sumber berbahasa Arab bagi memastikan maklumat yang diterima adalah daripada sumber asal yang tepat. Lebih-lebih lagi di zaman teknologi maklumat ini banyak tersebar berita dan maklumat palsu dan sesat, yang akhirnya dianut dan diterima oleh masyarakat tanpa mereka mengetahui hakikat yang sebenarnya.

Justeru itu, ciri-ciri penguasaan sumber berbahasa Arab dalam kalangan pendidik agama wajar dikaji bagi menguatkan kepercayaan masyarakat terhadap mereka ketika mengupas isu-isu semasa dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka.

Maklumat kajian diperolehi melalui dua kaedah penyelidikan iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Temubual dan ujian penilaian telah dilakukan kepada sembilan orang responden yang terpilih, manakala kertas soal selidik diedarkan kepada semua pensyarah CITU di UiTM Terengganu, Pahang dan Kelantan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat banyak faktor yang membezakan kekuatan penguasaan sumber berbahasa Arab dalam kalangan mereka. Beberapa cadangan dikemukakan bagi melihat penguasaan pensyarah CITU terhadap sumber berbahasa Arab semakin meningkat.

5.2 Pengenalan

5.2.1 Pendahuluan

Di negara Malaysia, matapelajaran Pendidikan Islam telah diajar kepada murid-murid semenjak dari peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Pendidikan Islam di Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan subjek umum yang mesti diambil oleh semua pelajar, baik di peringkat diploma atau sarjana muda. Wajar untuk dimaklumi bahawa semua pelajar UiTM adalah terdiri daripada pelajar bumiputera sahaja yang rata-ratanya adalah berbangsa Melayu yang beragama Islam.

Lantaran untuk meraikan mereka dan fakulti tertentu, maka pendidikan Islam di UiTM diajar dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Dalam konteks ini, adakah pensyarah Institut Tamadun dan Kefahaman Islam (CITU) yang terlibat dengan pengajaran subjek pendidikan Islam ini menggunakan rujukan asli atau sekunder dalam proses penyampaian syarahan mereka kepada pelajar?.

Adalah dijangkakan wujudnya perbezaan antara ciri-ciri berikut seperti latar belakang pendidikan, senioriti dalam perkhidmatan, subjek yang diajar, penglibatan dalam aktiviti sosial yang mempengaruhi penguasaan sumber berbahasa Arab untuk rujukan mereka.

5.2.2 Persoalan Kajian

1. Sejauh manakah penguasaan sumber berbahasa Arab bagi ilmu-ilmu Islam diberi perhatian serius khususnya dalam kalangan pensyarah pendidikan Islam?
2. Apakah ciri-ciri yang membentuk penguasaan sumber berbahasa Arab dalam kalangan pensyarah CITU semasa mereka berkhidmat di UiTM?

5.2.3 Objektif Kajian

3. Mengenalpasti ciri-ciri yang membentuk penguasaan sumber berbahasa Arab dalam kalangan pensyarah CITU.
4. Merangka pembolehubah utama yang akan dijadikan asas kepada penyelidikan lanjutan berkaitan dengan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendidik Islam.

5.2.4 Definisi Terma

Sumber Berbahasa Arab: dimaksudkan dalam kajian ini ialah segala dokumen atau tulisan dalam bahasa Arab yang boleh menjadi rujukan.

Kandungan

| | |
|---|-----|
| 1. Surat Penyerahan Laporan | iii |
| 2. Surat Tawaran (Geran Penyelidikan) | iv |
| 3. Penghargaan | v |
| 4. Tajuk dan Objektif Kajian yang Dikemaskini | vi |
| 5. Laporan..... | 1 |
| 5.1 Ringkasan Penyelidikan yang Dikemaskini | 1 |
| 5.2 Pengenalan..... | 2 |
| 5.3 Sorotan Literatur | 4 |
| 5.4 Metodologi | 8 |
| 5.5 Hasil Kajian dan Perbincangan | 11 |
| 5.6 Kesimpulan dan Cadangan | 16 |
| 5.7 Bibliografi | 20 |
| 6. Hasil Penyelidikan..... | 21 |
| 7. Lampiran | 22 |